

Bil. S 8

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2014

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian muka surat.

JADUAL – PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2014

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 tahun 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian muka surat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi muka surat-muka surat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di muka surat depannya atau di muka surat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan muka surat-muka surat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi muka surat-muka surat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual dan tertera di muka surat depannya atau di muka surat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

**JADUAL
(perenggan 2)**

PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Muka surat-muka surat	Tulisan
4	Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am	1 hingga 48	B.L.R.O. 1/2006
131	Akta Pencegahan Rasuah	1 hingga 30	B.L.R.O. 5/2002.

JADUAL – (Sambungan)

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Muka surat- muka surat	Tulisan
4	Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am	1 hingga 46	B.L.R.O. 1/2014
131	Akta Pencegahan Rasuah	1 hingga 32	B.L.R.O. 1/2014.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435
bersamaan dengan 10 haribulan April, 2014.

DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH

Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.